Di Indonesia, ketentuan-ketentuan mengenai poligami terdapat di dalam pasal No 55 hingga 59 Kompilasi Hukum Islam. Di dalam pasal 55 ayat 1 menyatakan bahwa poligami yang hanya dibenarkan oleh undang-undang adalah beristeri tidak melebihi(terbatas) empat orang. Diikuti pada ayat 2 menjelaskan bahwa syarat utama untuk berpoligami adalah suami harus mampu berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anaknya. Bicara mengenai sebuah keizinan untuk berpoligami, pasal 56 dan pasal 57 memperuntukkan bahwa Pengadilan Agama hanya akan memberikan izin jika mengadung sebab yang berikut antaranya :

a) Isteri tidak dapat menjalankan kewajiban sebagai isteri

---

[17]Munawwir Syazali, *Peradilan Agama Dan Kompilasi Hukum Islam*, (Yogyakarta,UII Press,1993), 18

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

b) Isteri mendapat cacat badan atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan

c) Atau isteri tidak dapat melahirkan keturunan.

Pasal 58 ayat 1 pula, menjelaskan bahwa akan bentuk persetujuan dari pihak isteri dan kepastian bahwa pihak suami mampu menjamin kebutuhan hidup isteri-isteri dan anak-anak mereka. Persetujuan isteri tidak diperlukan sekiranya pihak isteri tidak mungkin diminta persetujuannya dan tidak dapat menjadi pihak dalam perjanjian yaitu jika isteri menjadi gila, atau tidak ada kabar dari isteri sekurang-kurannya 2 tahun. Namun apabila pihak isteri enggan atau tidak mahu memberi persetujuan, maka pasal 59 mengadakan ketentuan bagi perkara itu diselesaikan oleh Pengadilan Agama selepas mendengar isteri tersebut.

Hal ini telah disusun rapi di dalam pasal undang-undang Kompilasi Hukum Islam yang mengatur secara lengkap seperti dibawah :

Pasal 55

ayat 1 : Beristeri lebih satu orang pada waktu bersamaan, terbatas hanya sampai empat isteri.

Ayat 2 : Syarat utama beristeri lebih dari seorang, suami harus mampu berlaku adil terhadap isteri-isteri dan ank-anaknya.

Ayat 3 : Apabila syarat utama yang disebut pada ayat (2) tidak mungkin dipenuhi, suami dilarang beristeri dari seorang.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Pasal 56

Ayat 1 : Suami yang hendak beristeri lebih dari satu orang harus mendapat izin dari Pengadilan Agama

Ayat 2 : Pengajuan permohonan izin dimaksud pada ayat (1) dilakukan menurut pada tata cara sebagaimana diatur dalam Bab VIII Peraturan Pemerintah No 9 Tahun 1975.

Ayat 3 : Perkawinan yang dilakukan dengan isteri kedua, ketiga atau keempat tanpa izin Pengadilan Agama, tidak mempunyai kekuatan hukum.

Pasal 57

Ayat 1 : Pengadilan Agama hanya memberikan izin kepada seorang suami yang akan beristeri lebih dari seorang apabila:

a. Isteri tidak dapat menjalankan kewajiban sebagai isteri
b. Isteri mendapat cacat badan atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan
c. Isteri tidak dapat melahirkan keturunan

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Pasal 58

Ayat 1 : Selain syarat utama yang disebutkan pada pasal 55(2) maka untuk memperoleh izin Pengadilan Agama, harus pula dipenuhi syarat-syarat yang ditentukan pada pasal 5 Undang-Undang No 1 Tahun 1974 yaitu :

a. Adanya persetujuan isteri;
b. Adanya kepastian bahwa suami mampu menjamin keperluan hidup isteri-isteri dan anak-anak mereka

Ayat 2 : Dengan tidak mengurangi ketentuan pasal 41 huruf b Peraturan Pemerintah No.9 Tahun 1975, persetujuan isteri atau isteri-isteri dapat diberikan secara tertulis atau dengan lisan, tetapi sekalipun telah ada persetujuan tertulis, persetujuan dipertegas dengan persetujuan lisan isteri pada sidang Pengadilan Agama.

Ayat 3 : Persetujuan dimaksud pada ayat (1) huruf a tidak diperlukan bagi seorang suami apabila isteri atau isteri-isterinya tidak mungkin dimintai persetujuannya dan tidak dapat menjadi pihak dalam perjanjian atau apabila tidak ada kabar dari iteri atau isteri-isterinya sekurang-kurangnya 2 tahun atau karena sebab lain yang perlu mendapat penilaian Hakim.

Pasal 59 : Dalam hal isteri tidak mahu memberikan persetujuan dan permohonan izin untuk beristeri lebih dari satu orang atas salah satu alasan yang

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

diatur dalam pasal 55 ayat (2) dan 57, Pengadilan Agama dapat menetapkan tentang pemberian izin setelah memeriksa dan mendengar isteri yang bersangkutan di persidangan Pengadilan Agama, dan terhadap penetapan ini isteri atau suami dapat mengajukan banding atau kasasi.

3. **Persyaratan Poligami**

Salah satu isi Kompilasi Hukum Islam tentang perkawinan adalah ketentuan poligami(beristeri lebih dari seorang) yang termuat dalam Pasal 55 ayat (1, 2 dan 3), pasal 56 ayat (1, 2 dan 3), pasal 57 huruf(a, b dan c) serta pasal 58 ayat (1) huruf (a dan b) dan ayat(2) serta ayat (3) pada pasal yang sama dan pasal 59. Namun untuk pasal 58 ayat(1) huruf (a) mengenai persetujuan isteri bagi suami yang mahu beristeri lagi jelas merupakan hasil ijtihad dari para perumus Kompilasi Hukum Islam, khususnya yang membidangi hukum perkawinan. Dengan demikian, perlu untuk mencari latar belakang dari ketetapan pasal 58 ayat (1) huruf (a) dari para perumus KHI itu sendiri. Akan tetapi penulis merasa kesulitan dalam mencari data dari perumus secara langsung. Oleh karena itu, penulis mencari data dari beberapa buku yang ditulis oleh beberapa ahli hukum. Hasilnya penulis hanya menemukan satu keterangan dari buku yang berjudul "Kedudukan Kewenangan dan Acara Peradilan Agama" yang ditulis oleh Yahya Harahap. Di dalam buku ini diijelaskan bahwa pasal-pasal KHI yang terkait dengan poligami itu tidak semuanya diambil

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

dari kitab-kitab fikih. Pasal 58 misalnya, itu adalah murni ditetapkan oleh pemerintah dengan tujuan "ketertiban umum".[18]

Dalam Undang-Undang No 1 Tahun 1974 jo PP No. 9 Tahun 1975 menjelaskan bahwa poligami khusus bagi seorang suami yang akan beristeri lebih dari seorang dengan memenuhi beberapa persyaratan-persyaratan yang telah diatur di dalam undang-undang. Mengenai persyaratan untuk berpoligami, ketentuan tersebut di atur di dalam pasal 56 Kompilasi Hukum Islam, Pasal 3 ayat 2 UU No 1 Tahun 1974 dan pasal 40 No. 9 Tahun 1975, penjelasannya sebagai berikut :

a) Harus ada izin dari Pengadilan

b) Bila dikehendaki oleh yang bersangkutan

Hukum dan agama yang bersangkutan mengizinkannya, artinya tidak ada larangan dalam hal ini.

Dalam hal seorang suami yang akan berpoligami harus mendapat izin dari pengadilan, khusus bagi yang beragama Islam itu harus diajukan ke Pengadilan Agama. Untuk mendapat izin ini pula harus dipenuhi beberapa syarat tertentu dan disertai dengan alasan-alasan yang dibenarkan hal ini diatur di dalam pasal 57 dan 58 Kompilasi Hukum Islam yang pada dasarnya sebagai berikut :

---

[18]Yahya Harahap, Kedudukan Kewenangan dan Acara Peradilan Agama, 42

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

1) Mengajukan permohonan kepada Pengadilan di daerah tempat tinggalnya.

2) Untuk dapat mengajukan permohonan kepada Pengadilan Agama harus dipenuhi syarat-syarat seperti berikut, yaitu :

   a. Adanya persetujuan dari isteri atau isteri-isteri yang terdahulu. Persetujuan ini bisa tertulis dan bisa dinyatakan secara lisan di depan sidang pengadilan. Untuk menghindari dari pemalsuan surat persetujuan apabila persetujuan itu tertulis, hakim biasanya mendengar langsung dari pihak isteri di depan sidang.

   b. Adanya kepastian bahwa suami mampu menjamin keperluan hidup isteri-isteri dan anak-anaknya.

      Di dalam menentukan ukuran mengenai sebuah jaminan, hakim dapat melihat dan mengetahui jumlah kekayaan yang ada pada saat permohonan diajukan. Penilaian ini dapat dibuat oleh Hakim saat permohonan diajukan. Jumlah kekayaan ini didasarkan kepada surat keterangan penghasilan suami yang telah ditandatangani oleh bendaharawan tempat suami berkerja atau yang dibuat oleh Kepala Desa asal suami bertempat tinggal.

   c. Adanya jaminan bahwa suami akan berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anak mereka.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

> Untuk mengetahui dan menentukan sebuah jaminan yang diberikan atau tidak suami, Hakim akan meminta surat pengakuan atau surat penyataan bahwa suami akan berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anak mereka. Apabila suami menyalahi atau melanggar ikrar jaminan tersebut, maka isteri dapat menuntut keadilan kepada pihak pengadilan.[19]

Menurut penulis, persyaratan yang mengharuskan adanya izin isteri dalam poligami merupakan upaya dari pengadilan untuk mempetemukan keinginan suami sesuai dengan keinginan sang isteri dengan harapan kedepannya tidak ada rasa ketidaknyamanan atau merasa dirugikan apalagi merasa terdzalimi. Hal ini sekaligus untuk menghindari konflik di kemudian hari.

Seterusnya persyaratan Poligami berdasarkan ketentuan Kompilasi Hukum Islam akan diperjelaskan satu persatu menurut susunan seperti berikut :

Pasal 55

Ayat 1 : *Beristeri lebih dari satu orang pada waktu bersamaan, terbatas hanya sampai empat isteri*

Hal ini bisa dipahami bahwa, Kompilasi Hukum Islam telah membatasi ketentuan untuk berpoligami hanya dibenarkan mengahwini paling banyak empat

---

[19]Undang-Undang Perkawinan, 6

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

orang isteri. Hal ini disandarkan kepada penegasan bilangan yang disebutkan oleh al-Quran yang menyebut bilangan isteri hanya sampai kepada empat orang isteri saja. Firman Allah s.w.t :

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُم مِّنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ

Artinya : *"Dan jika kamu khawatir tidak akan mampu berlaku adil terhadap(hak-hak) terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu menikahi dengan mereka), maka nikahilah perempuan(lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat."*.[20]

Hal yang sama, disebutkan oleh ayat tersebut di atas dengan kalau benar-benar seorang suami bisa menginterpretasikan keadilan yang seutuhnya terhadap semua isteri yang telah dikawini.

Ayat 2 :Syarat utama beristeri lebih dari seorang, suami harus mampu berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anaknya.

---

[20] *Al-Quran dan Terjemahannya*, Departemen Agama RI, (Surabaya: Penerbit Mahkota, Cet.V,2001).

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

4. Alasan Poligami

Mengutip alasan di dalam Pasal 4 ayat 22 UU Perkawinan dirinci alasan untuk bolehnya melakukan poligami. Kebolehan melakukan poligami adalah manakala, (1) isteri tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai isteri, (2) isteri mendapat cacat badan atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan dan (3) isteri tidak dapat melahirkan keturunan. Alasan –alasan yang dikemukakan oleh isteri tersebut juga harus dibuktikan di depan sidang Pengadilan. Hal ini turut juga disebutkan di dalam PP No.9 Tahun 1975 sebagai berikut :

Pasal 41 :

"Pengadilan kemudian memeriksa mengenai:

a) Ada atau tidaknya alasan yang memungkinkan seorang suami kawin lagi, ialah:
   - *Bahwa isteri tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai isteri;*
   - *Bahwa isteri mendapat cacat badan atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan;*
   - *Bahwa isteri tidak dapat melahirkan keturunan.*

Jelas bahwa, Undang-Undang yang mengatur tentang poligami baik Kompilasi Hukum Islam, UU Perkawinan dan PP No.9 Tahun 1975 hanya menggaris bawahi tiga alasan utama untuk seorang suami bisa mengajukan permohonan poligami.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

BAB IV

ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG SARAWAK BAB 43 ORDINAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM TAHUN 2001 DAN KOMPILASI HUKUM ISLAM TENTANG POLIGAMI

A. Persamaan antara Ketentuan Persyaratan Poligami Menurut UU Sarawak Ordinan UU Keluarga Islam Tahun 2001 dan Kompilasi Hukum Islam

1. Pelaksanaan Poligami

Tinjauan dari sisi persamaan, UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam tahun 2001 dan Kompilasi Hukum Islam mengandung beberapa ketentuan yang sama. Perkara pertama yang harus diperhatikan oleh pemohon di dalam pelaksanaan permohonan poligami menurut UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dan Kompilasi Hukum Islam adalah seperti berikut:

a. Mengisi formulir pemohonan poligami terlebih dahulu. Di dalam fomulir permohonan mengharuskan pemohon untuk menyertakan segala informasi dan data yang dikehendaki berkaitan dengan data peribadi seperti di bawah:

   1) Nama dan nomer kartu penduduk (KTP)

   2) Latar pendidikan pemohon, bilangan pasangan isteri yang ada

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

3) Agama dan bangsa

4) Nama calon isteri kedua, pekerjaan calon isteri, status perkawinan isteri kedua

5) Tanggal dan tempat perkawinan yang akan dilangungkan

6) Bentuk maskawin(tunai atau hutang)

7) Pengesahan oleh majikan tempat pemohon bekerja atau oleh Kepala Desa tempat pemohon tinggal

8) Ikrar pemohon bahwa segala informasi dan data yang diberikan adalah benar

9) Disertai syarat tambahan seperti KTP wali, sertifikat nikah ibubapa pihak perempuan, sertifikat kursus Pra-perkawinan atau pernyataan lulus wawancara, surat perakuan cerai bagi pasangan yang janda, kebenaran daripada pihak wewenang tentara atau polisi(sekiranya anggota), surat kebenaran nikah daripada pihak Mahkamah, dan surat kebenaran untuk berpoligami

b. Mendapat surat kebenaran bertulis daripada Mahkamah

Di dalam pasal 21 ayat (1) UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dan pasal 56 ayat (1) Kompilasi Hukum Islam turut sama mengkehendaki pemohon poligami harus mengantongi surat

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

kebenaran secara bertulis daripada Mahkamah Syari'ah atau Pengadilan Agama.

Hal ini dijelaskan di dalam pasal seperti berikut :

Pasal 21 ayat (1) :

"Tiada lelaki semasa kewujudan sesuatu perkawinan boleh, kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Mahkamah, membuat akadnikah perkawinan yang lain dengan perempuan yang lain"

Di dalam Kompilasi Hukum Islam yang berbunyi :

Pasal 57 ayat (1):

"Suami yang hendak beristeri lebih dari satu orang harus mendapat izin dari Pengadilan Agama"

c. Apabila menerima permohonan poligami, Mahkamah akan memanggil pemohon untuk hadir di Mahkamah, isteri yang pertama ataupun isteri-isterinya yang lain. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan keterangan daripada pihak isteri apakah bersetuju atau tidak. Turut bisa dihadirkan oleh Mahkamah adalah bakal isteri, wali kepada bakal isteri. Artinya, siapa dirasakan perlu yang menurut pandangan Mahkamah boleh memberikan keterangan apabila permohonan poligami itu didengar di

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

persidangan. Pada kebiasaannya, permohonan poligami di dengar di dalam persidangan tertutup.

Ketentuan ini disebutkan dengan terperinci di dalam kelanjutan pasal 21 ayat (5) yaitu :

"Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri, jika ada, dan mana-mana orang lain yang pada pendapat Mahkamah boleh memberi maklumat berhubungan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup."

Begitu juga di dalam Bab VIII Pasal 42 ayat (1) PP No.9 Tahun 1975 yang turut membawa pengertian yang sama dengan penjelasan singkat seperti berikut :

"Dalam melakukan pemeriksaan mengenai hal-hal pada pasal 40 dan 41,Pengadilan harus memanggil dan mendengar isteri yang bersangkutan".

d. Dalam perkara permohonan poligami, setelah dijatuhkan putusan dan para pihak bersangkutan merasa dirugikan dengan putusan tersebut, atau tidak berpuas hati terhadap bentuk putusan Mahkamah, disini Mahkamah memberi ruang untuk salah satu pihak atau kedua-dua pihak

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

bagi mengajukan bantahan dengan cara pihak bersangkutan mengajukan kepada Mahkamah supaya berkas perkara tersebut didengar dan disidangkan kembali di Mahkamah. Hal ini turut sama diatur di dalam KHI yang memberi ruang kepada pihak berperkara yaitu suami atau isteri untuk bisa mengajukan banding dan kasasi. Pasal UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam yang menjelaskan perkara berikut adalah :

Pasal 21 ayat (7) :

"Mana-mana pihak yang terkilan atau tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Mahkamah boleh merayu terhadap keputusan itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam Ordinan..."

Manakala Pasal di dalam KHI yang menjelaskan perkara yang serupa adalah :

Pasal 59 :

"Dalam hal isteri tidak mahu memberikan persetujuan, dan permohonan izin untuk beristeri lebih dari satu orang berdasarkan atas salah satu alasan yang diatur dalam pasal 55 ayat(2) dan 57, Pengadilan Agama dapat menetapkan tentang pemberian izin setelah memeriksa dan mendengar isteri yang bersangkutan di persidangan Pengadilan

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Agama, dan terhadap penetapan ini isteri atau suami dapat mengajukan banding atau kasasi"

2. **Persyaratan Poligami**

Untuk dapat mengajukan permohonan bolehnya poligami, maka sang suami harus melengkapi beberapa persyaratan. Ketika membahas persyaratan poligami menurut UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dan Kompilasi Hukum Islam ternyata mengandung persamaan dan perbedaannya. Disini akan dijelaskan terlebih dulu sisi persamaannya menurut Ordinan Undang-undang Keluarga Islam yang akan dirincikan seperti berikut:

a. Permohonan kebenaran poligami kepada Mahkamah Syari'ah atau kepada Pengadilan Agama hendaklah disertai dengan alasan dan sebab mengapa perkawinan yang dipohon tersebut adalah perlu. Hanya saja Ordinan Undang-undang Keluarga Islam tahun 2001 menggariskan dengan lebih terperinci apa saja persyaratan poligami yang harus dilengkapi seperti berikut :

   1) Disertai dengan suatu *'iqrar* yaitu mengapa perkawinan poligami itu diperlukan.

   2) Jumlah pendapatan atau gaji pemohon yang terkini

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

3) Surat yang menyatakan komitmen dan kewajiban pemohon dan jumlah tanggungan keuangan yang harus ditentukan terlebih dahulu
4) Bilangan orang tanggungannya, termasuk juga orang yang akan menjadi tangunggannya
5) Izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang telah ada

Hal di atas disebutkan di dalam Pasal 21 ayat (4) UU Sarawak bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam seperti berikut:

"Permohonan untuk kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu 'iqrar menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut atau perlu, pendapatan pemohon pada masa ini, butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinannya yang dicadangkan itu".

Di dalam pasal Kompilasi Hukum Islam, perkara mengenai syarat-syarat ini dinyatakan di dalam pasal 58 ayat (2) yang dijelaskan di dalam pasal

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

41 ayat (c) dan (d) PP Nomer 9 tahun 1975 yaitu :

"Ada atau tidak adanya kemampuan suami untuk menjamin keperluan hidup isteri-isteri dan anak-anak dengan memperlihatkan":

- *Surat keterangan mengenai penghasilan suami yang ditandatangani oleh bendahara tempat bekerja; atau*
- *Surat keterangan pajak penghasilan; atau*
- *Surat keterangan lain yang dapat diterima oleh Pengadilan*

Ayat (d) yaitu :

"Ada atau tidaknya jaminan bahwa suami akan berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anak mereka dengan pernyataan atau janji dari suami yang dibuat di dalam bentuk yang ditetapkan untuk itu".

b. Selanjutnya di dalam pasal 58 ayat 1 menetapkan, untuk memperoleh izin Pengadilan Agama, ternyata harus pula memenuhi syarat-syarat yang ditentukan pada pasal 5 UU No.1 Tahun 1974 yaitu :

"Selain syarat utama yang disebut pada pasal 55 ayat (2) maka untuk memperoleh izin Pengadilan Agama, harus pula dipenuhi syarat-syarat yang ditentukan pada pasal 55 UU No.1 Tahun 1974 yaitu :

a. Adanya persetujuan isteri;

b. Adanya kepastian bahwa suami mampu menjamin keperluan hidup isteri-isteri dan anak-anak mereka.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

3. **Alasan poligami**

UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dan Kompilasi Hukum Islam menggaris bawahi hanya beberapa alasan yang akan menjadi bahan pertimbangan Hakim di Mahkamah atau di Pengadilan. Alasan yang dimaksudkan disini adalah kenapa dan mengapa poligami tersebut ingin diajukan ke Mahkamah atau pengadilan. Alasan ini nantinya akan menjadi alat pendukung yang kuat untuk Mahkamah Syari'ah memberikan izin poligami kepada pemohon(suami). Misalnya sang isteri pertama tersebut mengalami hal-hal yang berikut:

- Mengalami kemandulan
- Fisik anggota badan yang sudah uzur
- Mengalami suatu penyakit kelamin
- Sengaja ingkar untuk tidak mematuhi perintah suami untuk mengobati penyakitnya
- Terkena penyakit gila terhadap isteri pertama atau isteri-isterinya yang lain

Disini bisa di analisis seperti yang dimuatkan di dalam kelanjutan dari pasal 5 ayat (a) Ordinan Undang-undang Keluarga Islam yaitu :

Bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut atau perlu, memandang kepada, antara lain, hal-hal keadaan yang berikut iaitu kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak-hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;

Hal ini juga sama dengan ketentuan di dalam KHI pasal 57 ayat (a),(b),(c) dibawah yaitu :

"Pengadilan Agama hanya memberikan izin kepada seorang suami yang akan beristeri lebih dari seorang apabila" :

a. *Isteri tidak dapat menjalankan kewajiban sebagai isteri;*
b. *Isteri mendapat cacat badan atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan*
c. *Isteri tidak dapat melahirkan keturunan*

Hanya saja di dalam UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam turut memuat tentang penyakit gila di pihak isteri dan juga isteri yang tidak mahu menjalankan perintah suami untuk mengobati penyakitnya tersebut. Hal yang demikian ini berbeda seperti yang dimuatkan di dalam Kompilasi Hukum Islam.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

B. Perbedaan antara Ketentuan Persyaratan menurut UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Tahun 2001 dan Kompilasi Hukum Islam

1. Pelaksanaan Poligami

Suatu perbedaan yang ingin dikaji adalah apa saja yang dari sudut isi, maksud dan pengertian yang digunakan di dalam pasal menunjukkan pengertian berbeda. Misalnya salah satu istilah yang digunakan di dalam UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam mungkin tidak ada di dalam Kompilasi Hukum Islam, ataupun sebaliknya atau bisa saja istilah yang digunakan adalah berbeda dari sudut pengertian.

Di dalam pelaksanaan poligami, ketentuan di dalam UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Tahun 2001 dan Kompilasi Hukum Islam mengandung beberapa perbedaan dari sudut isi pasal, istilah yang digunakan, ataupun makna yang ingin disampaikan. Hal ini bisa dilakukan analisa seperti berikut :

I. Di dalam Ordinan Undang-undang Keluarga Islam tidak mengatur ketentuan dan batas bilangan isteri yang boleh dikawini oleh pemohon poligami.

   Akan tetapi, ketentuan yang dimuat di dalam Kompilasi Hukum Islam telah memberikan garis batasan yang tegas tentang bilangan isteri yang

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

boleh dikawini. Ketentuan yang termuat di dalam Pasal 55 ayat (1) dengan tegas menjelaskan :

"Beristeri lebih dari satu orang pada waktu bersamaan tebatas hanya sampai empat isteri".

Disini penulis pahami bahwa, Kompilasi Hukum Islam telah berupaya menggaris bawahi batasan bilangan isteri yang boleh dikawini dengan tegas. Hanya saja, dari pengertian penggunaan istilah "pada waktu bersamaan" di dalam pasal tersebut bisa dipahami dengan dua pengertian yaitu :

a. Boleh berpoligami melebihi empat isteri asalkan dengan cara tidak diadakan pada waktu bersamaan; atau

b. Batas empat isteri tersebut adalah ketentuan mutlak.

Dampaknya penggunaan istilah yang tidak jelas ini akhirnya mengundang pelbagai persepsi dan tanggapan yang berbeda.

II. Ketentuan Ordinan Undang-undang Keluarga Islam pasal 21 ayat (2) menjelaskan bahwa ketika suatu perkawinan poligami yang dilakukan tanpa kebenaran Mahkamah Syari'ah terlebih dahulu, maka perkawinan itu menurut Undang-Undang yang berlaku adalah tidak sah dan tidak bisa untuk didaftarkan di bawah Ordinan Undang-undang Keluarga

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Islam(tidak mempunyai kekuatan hukum) kecuali jika mahkamah benar-benar berpuas hati bahwa perkawinan tersebut sebelumnya adalah sah mengikut Undang-undang Islam yang berlaku. Artinya adalah masih ada kesempatan untuk di *istbat*-kan perkawinan tersebut dengan ketentuan bahwa pemohon telah membayar denda sebelumnya. Hal ini disebutkan di dalam pasal 21 ayat(2) seperti berikut :

"Tiada perkahwinan yang diakadnikahkan tanpa kebenaran di bawah subseksyen (1) boleh didaftarkan di bawah Ordinan ini melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan sedemikian adalah sah mengikut Undang-Undang Islam dan Mahkamah telah memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan tertakluk kepada seksyen 127".

Berbeda dengan ketentuan yang diatur di dalam Kompilasi Hukum Islam yang menyatakan poligami yang tidak mendapat izin pengadilan, hanya tidak mempunyai kekuatan hukum. Seperti yang disebutkan pasal 56 ayat (3) :

"Perkawinan yang dilakukan dengan isteri kedua, ketiga atau keempat tanpa izin dari Pengadilan Agama tidak mempunyai kekuatan hukum"

III. Ordinan Undang-undang Keluarga Islam juga mengatur ketentuan terhadap perkawinan poligami yang dilakukan oleh pemohon yang berwarganegara yang tinggalnya di dalam negeri Sarawak atau

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

perkawinan poligami tersebut di lakukan di luar negara Malaysia. Artinya, sekiranya pemohon berada tinggal di luar negara Malaysia, maka, pemohon tersebut harus mendapatkan izin dan kebenaran dari Mahkamah Syari'ah untuk boleh berpoligami terlebih dahulu. Pasal 21 ayat(3) menyebutkan :

"Subseksyen (1) terpakai bagi perkahwinan dalam Negeri akan seseorang lelaki yang bermastautin dalam atau di luar Negeri dan perkahwinan di luar Negeri akan seseorang lelaki yang bermastautin dalam Negeri"

Di dalam Kompilasi Hukum Islam tidak mengatur ketentuan bagi pelaku poligami yang tempat tinggalnya berada di luar negeri atau perkawinan poligaminya dilakukan diluar negeri.

IV. Permohonan Poligami yang disidangkan di Mahmakah Syari'ah hendaklah dilakukan di dalam persidangan tertutup yang dihadiri oleh pihak yang bersangkutan aja. Hal ini dinyatakan di baris terakhir pasal 21 ayat (5) :

"....Yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup"

Namun di dalam Kompilasi Hukum Islam pula juga tidak menyebutkan tentang berjalannya proses persidangan secara tertutup tersebut.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

V. Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dengan tegas mengatur sanksi terhadap pelaku poligami yang berkawin tanpa mendapat kebenaran Mahkamah terlebih dahulu. Sanksi yang berupa denda dan penjara tersebut boleh diberikan salah satu saja dari hukuman tersebut atau dikenakan kedua-dua sanksi tersebut sekaligus(denda dan penjara). Hal ini bisa dilihat di dalam pasal 127 UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang keluarga Islam berikut :

"Seseorang lelaki yang semasa perkawinannya yang sedia ada masih berterusan, berkawin lagi di mana-mana jua tempat tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Mahkamah adalah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu"

Berkenaan dengan sanksi ini, baik Kompilasi Hukum Islam atau PP No. 9 Tahun 1975 ternyata tidak mengatur perkara sanksi dan pidana bagi pelaku poligami yang melanggar ketentuan.

2. **Persyaratan Poligami**

Jika dicermati antara kedua-dua undang-undang poligami menurut UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dan Kompilasi

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Hukum Islam dari sisi persyaratannya terdapat juga beberapa perbedaan persyaratan yang diinginkan. Hal ini bisa dilihat sebagai berikut :

a. UU Sarawak Ordinan Undang-undang Keluarga Islam dengan jelas tidak menyatakan perkara yang menjadi persyaratan utama bisa untuk berpoligami. Justeru Kompilasi Hukum Islam meletakkan syarat utama untuk diberikan izin poligami adalah suami harus mampu berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anaknya. Apabila syarat utama ini tidak mungkin bisa dipenuhi, maka suami dilarang beristeri lebih dari seorang. Jika diteliti lebih jauh, persyaratan keadilan ini merupakan suatu perkara yang hanya diberikan wewenang kepada Hakim untuk bisa menilai apakah pemohon poligami nantinya akan cenderung berlaku adil atau tidak. Tentunya hal ini berdasarkan kepada pertimbangan yang bijaksana seorang Hakim dalam membuat penilaian. Jadi, kemungkinan untuk bisa beristeri lebih dari satu orang hanya bisa diberikan oleh Pengadilan.[1] Berkenaan dengan persyaratan ini dijelaskan di dalam pasal 55 ayat (2) berikut :

"Syarat utama beristeri lebih dari seorang, suami harus mampu berlaku adil terhadap isteri-isteri dan anak-anaknya"

[1]Iskandar Ritonga, *Hak-Hak Wanita dalam Putusan Peradilan Agama*,(Jakarta,Program Peningkatan Kualitas Pelayanan Publik Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggaraan Haji, 2005), 182

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

b. Di dalam UU Sarawak Ordinan Undang-undang Keluarga Islam selanjutnya menjelaskan bahwa Mahkamah akan memanggil pemohon untuk hadir di persidangan. Turut dihadirkan juga adalah isteri pertama dan kalau ada isteri kedua yang sedia ada juga turut dihadirkan. Begitu juga dengan bakal isteri, wali kepada bakal isteri jika ada termasuk juga orang lain yang menurut pandangan Mahkamah boleh memberikan informasi apa saja berkenaan dengan perkawinan yang akan dilangsungkan. Pesyaratan ini lebih terperinci dan berbeda dengan ketentuan persyaratan di dalam Kompilasi Hukum Islam. Kenyataan ini bisa dilihat di dalam Pasal 21 ayat (5) seperti berikut :

"Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri, jika ada, dan mana-mana orang lain yang pada pendapat Mahkamah boleh memberi maklumat berhubungan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir apabila permohonan itu didengar....."

Di dalam Kompilasi Hukum Islam perkara tersebut tidak diatur dengan pasal yang terperinci. Termasuk juga di dalam PP No.9 Tahun 1975 yang menyangkut perkara yang sama.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Pasal 58 KHI ayat (1 huruf a) dan (2) hanya menjelaskan tentang perkara tersebut seperti berikut :

Ayat (1 Huruf a) berbunyi:

"....Adanya persetujuan isteri"

Dan ayat 2 berbunyi :

"....Persetujuan isteri atau isteri-isteri dapat diberikan secara tertulis atau dengan lisan, tetapi sekalipun telah ada persetujuan tertulis, persetujuan ini dipertegas dengan persetujuan lisan isteri pada sidang Pengadilan Agama"

Begitu juga di dalam PP No. 9 Tahun 1975 pasal 41(b)

"Ada atau tidaknya persetujuan dari isteri, baik persetujuan lisan maupun tertulis, apabila persetujuan itu merupakan persetujuan lisan, persetujuan itu harus diucapkan di depan sidang pengadilan".

Jelas bahwa, perbedaan antara ketentuan menurut Ordinan Undang-undang Keluarga Islam menerangkan tentang pemanggilan semua isteri yang telah ada termasuk bakal isteri dan walinya untuk hadir di persidangan Mahkamah dan KHI di atas hanya menjelaskan tentang cukup dengan sebuah persetujuan dari isteri pertama. Persetujuan tersebut bisa dalam bentuk lisan atau tertulis saja.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

3. **Alasan Poligami**

UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam tahun 2001 menyebut tentang ketentuan alasan untuk berpoligami yang harus dibuktikan di depan sidang pengadilan. Alasan ini diajukan oleh suami dalam suatu bentuk *iqrar* (yaitu pengakuan seorang terhadap sesuatu perkara dan merupakan salah satu keterangan yang diberikan di Mahkamah). Terdapat tiga perkara yang menjadi perbedaan alasan yang harus dikemukakan menurut Ordinan Undang-undang Keluarga Islam di dalam Pasal 5 ayat(a) dengan Kompilasi Hukum Islam. Pertama adalah bersangkutan dengan keuzuran fisik lahiriah. Hal ini bisa saja membawa pengertian seperti anggota fisik sang isteri yang sakit akibat kecelakaan atau apa saja yang menjadikan fisik sang isteri lemah dan tidak berupaya dengan maksimal. Kedua, keadaan sang isteri yang ingkar untuk tidak mahu mematuhi perintah suami untuk berobat bersangkutan dengan penyakit batin agar bisa kembali melakukan hubungan suami isteri. Ketiga adalah isteri atau salah satu isteri menjadi gila. Ketiga-tiga perkara ini yang secara jelas tidak disebutkan di dalam Kompilasi Hukum Islam. Adapun alasan-alasan yang lainnya seperti isteri tidak bisa memberikan keturunan atau di dalam Ordinan Undang-undang Keluarga Islam sebagai kemandulan, isteri mendapat cacat badan atau penyakit yang tidak dapat disembuhkan tersebut adalah sama seperti apa yang disebutkan di dalam Kompilasi Hukum Islam.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

BAB V

PENUTUP

Kesimpulan

Daripada keseluruhan pembahasan di atas, setelah melakukan analisis perbandingan terhadap "Komparasi Persyaratan Poligami Menurut Ketentuan UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Tahun 2001 dan Kompilasi Hukum Islam" maka penulis dapat menyimpulkan sebagai berikut :

1) Analisis penulis mendapati bahwa memang terdapat kecenderungan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Bab 43 Tahun 2001 dari satu sisi memuat ketentuan persyaratan yang lebih ketat berbanding Kompilasi Hukum Islam. Hal ini termasuklah sanksi dan denda yang dinilai lebih berat. Namun di dalam Kompilasi Hukum Islam tidak mengatur tentang sanksi.

2) *Ketentuan Poligami menurut Kompilasi Hukum Islam terdapat persamaan* ketentuan antara UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Tahun 2001 terhadap Kompilasi Hukum Islam Indonesia. Persamaan yang dimaksudkan adalah dari sisi persyaratan poligami termasuk juga alasan yang dibolehkan untuk mengajukan permohonan poligami baik di Mahkamah Syariah ataupun di Pengadilan Agama.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

3) Terdapat perbedaan persyaratan yang harus dipenuhi oleh pemohon untuk bisa berpoligami menurut UU Sarawak Bab 43 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Tahun 2001 dan Kompilasi Hukum Islam. Misalnya ketika pemohon mengajukan permohonan izin poligami, maka suami wajib pula mengajukan permohonan penetapan harta bersama secara gabungan. Apabila suami tidak mengajukan permohonan harta bersama bersama pengajuan izin poligami, maka isteri dapat melakukan rekonvensi penetapan harta bersama, sampai tahap jika kedua(suami dan isteri) tidak mengajukan penetapan harta bersama maka permohonan poligami tidak akan diterima. Ketentuan seperti ini tidak disebut dan tidak diatur di dalam UU Sarawak Bab 43 Ordinan UUKI.

4) Persamaan maupun perbedaan ketentuan antara UU Sarawak Bab 43 Ordinan UUKI tahun 2001 dan Kompilasi Hukum Islam secara garis besar tidak menunjukkan perbedaan yang jauh berbeda. Masing-masing ketentuan undang-undang tersebut cenderung saling melengkapi antara satu dengan yang lain

5) Tidak dinafikan juga bahwa kedapatan pemohon poligami di Sarawak yang sengaja tidak mematuhi ketentuan persyaratan poligami dan mencari jalan alternatif lain dengan melakukan praktek poligami seperti di Indonesia yang dinilai pelaku tidak menyulitkan prosedur serta didukung praktek poligami yang juga menyalahi ketentuan perkawinan di Indonesia. Misalnya poligami lewat "calo". Selain itu terdapat juga upaya dari pelaku poligami yang memalsukan identitas mereka termasuk pemalsuan dokumen.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

DAFTAR PUSTAKA

Asqalani, al. Ibn Hajar, *Fataha al-Bari Bi Syarhi al Bukhari*, Kaherah, Maktabah al Kuliyyat al Azhariyyah, 1978

Ansari, al. Zakariya, *Fathul Wahhab*, juz II, Beirut, Darut Kutub, 2000

Ali, Maulana Muhammad, *The Holy Quran*, Lahore 1973, n.535, quoted in Asghar Engineer *The Right Of Women In Islam* 1992

Abd.Basir Mohamad dan Mohd. Zain Yahya, *"Isu Syariah Dan Undang-Undang Siri 9"* Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,(Kuala Lumpur, Cet.I, 2001)

Ali, M. M, *The Religion Of Islam*, terjemahan R. Kaelan C.S, Jakarta, 1977

Aziz,Ahmad, *Islamic Modernism in India and Pakistan* 1857-1964, (New York,1967)

Buku II *Pedoman Teknis Administrasi dan Teknis Peradilan Agama*, Mahkamah Agung, 2007

Departemen Agama RI, *Al-Quran dan terjemahannya*, Surabaya, Penerbit Mahkota, Cet V,2001

Departemen Agama, *Al Quran dan Terjemahnya*, Semarang, Toha Putra, 1989

Departemen Pendidikan Nasional, Kamus Besar Bahasa Indonesia, 1987

Fatimah, Siti, Abdul Rahman *Jurnal IKIM: "Kristeria Poligami dan Alasan Penghakiman"*, vol 7. No II. Juli/Desember (Kuala Lumpur, 1999)

Hakim, Rahmat, *Hukum Perkawinan Islam*, (Bandung, Pustaka Setia, 2000)

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Hassan,Abd Jalil *Perkawinan dalam Islam*,(Kuala Lumpur, Penerbit A.S Noorden)

Ibrahim, Muhammad, *Hasyiyah al Bajuri*, Juz II, Beirut, Darut Kutub, 1999

Jones,Jamilah, *Monogami dan Poligami dalam Islam*, terjemahan(Jakarta: Pt. Raja Grafindo Persada,1996)

Kitab *Sunan Nasa'i*, Bab. *al-Nikah "Karahiyatul Tazwij al-Aqim"*, Juz 10

Katsir, Ibn, *Tafsir al Quranul Adzim*, Tahqiq: Abdul Aziz Ghanim, Muhammad Ahmad Asyur dan Muhammad Ibrahim al- Banna, Kaherah: t.t.

Musdah Mulia, Siti, *Islam Menggugat Poligami*, PT. Sinar Grafindo, Jakarta, cet. Pertama, 2008

Muhammad Abduh, *Tarikh*,Vol II,dirujuk oleh Mahmadul Haq, Muhammad Abduh, *A study Of Modern Thinker of Egypt*,(Mesir, Aligarh,1970)

Musfir aj.Jahroni, *Poligami dari Berbagai Persepsi*,(Jakarta :Gema Insani Press,1997)

Masjfuk Zuhdi, *Masail Fiqhiyyah*, (Jakarta :Gunung Agung,1996)

Morsidi,Bin Natsir Artikal "*Biodata dan Sejarah Perkembangan Mahkamah syari'ah Sarawak*"

Nik Badli Syah, Nik Noraini *Marriage and Divorce Under Islamic Law*, Kuala Lumpur, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1998

Nasution,Khoiruddin *"Riba dan Poligami"*,(Yogyakarta,PustakaPelajar,1996)

Nawawi,Imam *al Majmu'*, juz 16, (Beirut, Darul Fikr, 1991)

Ritonga Iskandar, *Hak-Hak Wanita dalam Putusan Peradilan Agama*,(Jakarta,Program Peningkatan Kualitas Pelayanan Publik Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggaraan Haji, 2005)

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Rahman, Abd Gazaly, *Fiqh Munakahat*, Jakarta, Prana Media, 2003

_____ *Jurnal IKIM: "Poligami Di Malaysia, Peruntukan Dan Pelaksanaan"*,vol 6. No I. Januari/Juni (Kuala Lumpur, 1998)

Sabiq,Sayyid *Fiqhus Sunnah*, Darul Kitab al Arabi,jilid II,(Beirut, Lubnan,1969)

Siddik, Abdullah, *Hukum Perkawinan Islam*, Jakarta, Penerbit Tintamas, 1983

Soleh, A. Khudori, *Pemikiran Islam Kontemporer*, Yogyakarta, Jendela, 2003

Suryabrata, Semardi, *Metodologi Penelitian*, Jakarta, Rajawali Pers, 2003

Syata,Muhammad, *'Ianah al Talibin*, juz III, Semarang, Toha Putra, 1995

Syuja', Abu, *al Iqna'*, (Surabaya, Pt.Al Hidayah,1990)

syarwani,Imam, *"Hawasyi al Syarwani*, juz 9, (Beirut, Darut Fikr, 1991

Syarifuddin, Amir, *Hukum Perkawinan Islam di Indonesia*, Jakarta, Kencana, 2004

Qurtubi, al.Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad, *Al Jami' Liahkami Al Quran al Karim*, Kaherah, Darul Kitab al Arabi, 1967

Qudamah, Ibn, *Al-Irsyad fi Fiqhil Maliky*, (Beirut Darut Kutub,1992)

Zuhaily, Wahbah, *al Fiqhul Islami wa Adillatuhu*,juz II, Damaskus, Darul Fikr, 1997

----------*al Tafsir al Munir*, Vol I, Beirut Darut Fikr, 1999

Zahrah, Abu Muhammad, *al Ahwal Syakhsiyyah*, Beirut, Maktabah al Ashriyah,1995.

Kamus Dewan Edisi Keempat,Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2005

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Kamaruddin, Zaleha *"Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam,* (Kuala Lumpur, Zebra Edition Sdn.Bhd,Cet. I 2002)

Undang-Undang Perkawinan Indonesia 2007, Wacana Intelektual, Cet. I, 2007

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id